

FKSW UMS jayakan Kolokium Warisan Perubatan Pelbagai Budaya di Malaysia

NST 11.4.2017 5

KOTA KINABALU: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Unit Penyelidikan Warisan Borneo berjaya menganjurkan Kolokium Warisan Perubatan Pelbagai Budaya di Malaysia di Theattrette Ahmad Nisfu, FKSW baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Penganjur yang juga Ketua Unit Warisan Penyelidikan Borneo, Prof. Madya Dr. Low Kok On, kolokium itu bertujuan untuk mengumpul pakar-pakar yang mengkaji tentang perubatan tradisional di negara ini.

“Sebanyak lima topik dibentangkan para penyelidik, antaranya ‘Perubatan Tradisional dalam Kurun ke-21’ oleh Pensyarah FKSW, Profesor Dr. Hashim Awang AR.; ‘Integrating Islamic Complementary Healing into Modern Medicine’ oleh Prof. Dr. Supyan Hussin dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan ‘Future Trend of Traditional Chinese Medicine’ oleh Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Yam Mun Fei.

“Dua lagi topik yang disampaikan bertajuk Thaipusam: The Power to Evoke Spirituality and Faith Healing through a Series of Ritualistic Practices’ juga dari USM iaitu Dr. Mumtaz Aboo Backer sebelum diakhiri oleh Pensyarah Kanan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS, Julius Kulip dengan topik bertajuk ‘Ethnomedicines in Sabah: A present Status,’ ujarnya ketika ditemui media.

Dr. Low berkata, selain UMS, UKM dan USM, program yang mendapat tajaan geran bernilai RM7 juta dari Kementerian Pendidikan Tinggi itu turut melibatkan para penyelidik dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

“Para penyelidik mengambil masa hampir empat tahun menghabiskan projek penyelidikan mereka.

“Melalui geran tersebut, mereka juga berjaya menyumbang penerbitan sebanyak 25 buah buku tidak termasuk beberapa buah jurnal antarabangsa serta penganjuran pelbagai seminar



SIJIL... Dr. Ismail (kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang penceramah pada majlis penutupan.

antarabangsa termasuklah penganjuran kolokium ini,” tambah beliau.

Kolokium sehari itu disertai 60 peserta daripada kalangan penyelidik, kakitangan akademik dan pelajar UMS.

Program berakhir dengan penyampaian sijil yang disempurnakan Dekan FKSW, Prof. Dr. Ismail Ibrahim kepada semua peserta.